

11 JAN 2003

Ling-Jawatan/I

LING MAHU KEKAL PRESIDEN MCA SEHINGGA ISU PENGGANTI SELESAI

KAMPAR, 11 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau tidak mempunyai rancangan untuk berundur daripada jawatan presiden parti sebelum penggal jawatannya tamat pada 2005 tetapi sedia melepaskannya lebih awal jika isu pengganti beliau dapat diselesaikan.

Dr Ling berkata buat masa ini, beliau tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk meletakkan jawatan sebelum tempoh penggal perkhidmatannya tamat memandangkan banyak lagi perkara penting perlu dilakukan, antaranya mencari pengganti dirinya.

"Tetapi sebagai contoh jika kita dapat menyelesaikan masalah pengganti sebelum Jan 2005, maka saya sedia untuk berundur lebih awal," kata beliau kepada pemberita selepas meneliti persiapan bagi upacara pecah tanah untuk kampus induk Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, esok.

Dr Ling, yang pada Selasa mengumumkan beliau telah menghantar surat perletakan jawatan Kabinet tanpa tarikh kuatkuasa kepada Dr Mahathir pada Ogos lepas, ditanya sama ada beliau juga berhasrat berundur daripada jawatan parti.

Menteri Pengangkutan itu berkata beliau tidak boleh berundur begitu sahaja daripada parti kerana banyak perkara perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Saya tidak boleh berkata saya mahu berundur esok sedangkan banyak perkara yang perlu diselesaikan. Jadi itulah yang saya maksudkan..Saya tidak berkata bila (untuk berundur)," kata beliau lagi.

Dr Ling, bagaimanapun, enggan menjawab apabila ditanya sama ada beliau bercadang menarik balik surat perletakan jawatan itu berikutan kenyataan Perdana Menteri hari ini bahawa beliau belum membuat keputusan mengenai surat itu.

Dr Mahathir hari ini memberitahu pemberita bahawa beliau akan membuat keputusan apabila masanya sesuai dan mengikut keutamaan kerajaan dan lagi pun ia perlu dipertimbangkan dengan cermat kerana membabitkan sebuah portfolio penting.

Sebaliknya, Dr Ling berkata bagi beliau surat itu sudah disampaikan kepada Dr Mahathir dan Perdana Menteri tahu bila waktu yang sesuai untuk memutuskan hal itu.

Beliau berkata kuasa penentu akan siapa atau berapa lama seseorang berkhidmat dalam Kabinet adalah di tangan Perdana Menteri.

"Tetapi apabila tiba masanya, saya akan berundur dengan penuh kesyukuran kerana saya diberi peluang untuk berjasa kepada negara dan berkhidmat di peringkat tinggi seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

AR PR